 Sinar Harian - Ahad - 17 November 2019 -

Tumpu bidang kecerdasan buatan

UMP juga digesa lebih ke hadapan dalam menjayakan program TVET

KUANTAN

Al-Sultan Abdullah (kiri) menyampaikan Anugerah Pelajar Diraja kepada Azriel Tan Zhe Khen pada Majlis Konvokesyen UMP ke-14 di Kampus Gambang, Kuantan semalam.

Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah menitahkan supaya Universiti Malaysia Pahang (UMP) memberi perhatian serius terhadap pembangunan bidang kecerdasan buatan.

Seri Paduka Baginda bertitah, UMP juga digesa untuk bergerak dengan lebih ke hadapan dalam menjayakan Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET) yang selari dengan fokus terkini pendidikan tinggi negara.

"Saya yakin kerjasama erat antara UMP dengan pihak industri dalam dan luar negara berupaya mengukuhkan lagi peranan universiti ini dalam melahirkan modal insan yang bukan hanya mampu memenuhi keperluan negara, bahkan di peringkat antarabangsa," titah Seri Paduka Baginda.

Al-Sultan Abdullah yang juga Canselor UMP bertitah demikian pada Titah Diraja sempena Majlis Konvokesyen ke-14 UMP di Kampus Gambang universiti itu di sini semalam yang turut dihadiri Naib Canselor UMP, Profesor Ir Dr Wan Azhar Wan Yusoff.

Seri Paduka Baginda juga menzahirkan pujian kepada pentadbiran UMP terhadap rancangan mereka untuk menubuhkan Yayasan UMP awal tahun depan yang bertujuan mendapatkan dana bagi membantu rakyat kurang berkemampuan memperoleh peluang melanjutkan pelajaran ke peringkat tinggi.

"Perkara ini adalah satu usaha murni yang wajar diberikan pujian dan sokongan semua pihak, namun pihak universiti tidak boleh hanya bergantung kepada sumbangan dalam usaha mahu meningkatkan prestasi.

"Sebaliknya usaha gigih diperlukan untuk mencari rakan strategik baharu bagi meningkatkan keupayaan universiti supaya mampu bersaing dengan universiti lain," titah Seri Paduka Baginda.

Al-Sultan Abdullah juga menasihatkan graduan UMP menggunakan ilmu dan pengalaman yang diperoleh di universiti untuk memberi manfaat kepada masyarakat, selain mencari peluang mencipta kejayaan lebih besar pada masa akan datang.

Titah Seri Paduka Baginda, graduan menggalas amanah dan tanggungjawab besar di bahu mereka dalam mencorak masa hadapan masyarakat dan negara, selain perlu menjadi warganegara yang sering menyumbang kepada kemajuan serta kesejahteraan Malaysia.

Pada titah Diraja itu, Al-Sultan Abdullah juga berkenan menzahirkan ucapan tahniah kepada anakanda Seri Paduka Baginda, Pemangku Raja Pahang, Tengku Hassanal Ibrahim Alam Shah yang baru dilantik sebagai Pro-Canselor UMP bersama Tan Sri Abi Musa Asa'ari Mohamed Nor.

Untuk rekod, istiadat pemasyhuran Tengku Hassanal selaku Pro-Canselor akan dilakukan pada masa hadapan kerana baginda masih berada di Akademi Tentera Diraja Sandhurst (Royal Military Academy Sandhurst) di United Kingdom.

Majlis konvokesyen kali ini melibatkan seramai 3,782 graduan terdiri daripada seramai 2,633 graduan program pra pengajian, ijazah kedoktoran (77), ijazah sarjana (158) dan 914 program pengajian eksekutif dan profesional di bawah pusat pengajian sepanjang hayat, UMP Advanced Education. - *Bernama*